

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 20

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

(a) apakah rasionalnya cadangan penganjuran Kempen Pemilikan Rumah (HOC) kepada warganegara asing bagi menyelesaikan isu lambakan rumah tidak terjual; dan

(b) apakah terdapat sebarang usaha serta perancangan oleh Kementerian bagi membina lebih banyak rumah yang sesuai dengan kemampuan gaji rakyat di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jawapan (a)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penjualan rumah kepada warganegara asing adalah merujuk kepada usaha Kerajaan membantu

mempromosikan program Malaysia My Second Home (MM2H) melalui kerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

2. Home Ownership Campaign (HOC) adalah program yang diperuntukkan kepada rakyat Malaysia **sahaja** bagi memiliki kediaman dengan insentif yang diberikan oleh Kerajaan dan diskaun daripada pihak pemaju.

3. MM2H merupakan satu inisiatif Kerajaan Malaysia untuk menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi serta memenuhi syarat untuk menetap dan merancakkan ekonomi di Malaysia melalui subsektor pelaburan, hartanah, pendidikan, perubatan dan automobil. Warga asing yang berjaya menyertai Program MM2H akan diberikan Pas Lawatan Sosial dengan Visa Masuk Berulang Kali untuk tempoh 10 tahun dan boleh diperbaharui.

4. Berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara Suku Kedua 2019, terdapat 4,213 (12.8%) dengan nilai RM8.3 bilion rumah mewah tidak terjual yang berharga RM1 juta dan ke atas di negara ini. Sehubungan itu, penjualan rumah mewah kepada warga asing ini dapat mengurangkan lambakan unit rumah sedia ada serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya.

Jawapan (b)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Dasar Rumah Mampu Milik (DRMM), Kerajaan telah mengambil pendekatan melalui kaedah median *multiple* bagi menentukan harga rumah mampu milik. Harga rumah yang mampu dimiliki adalah tiga kali ganda median pendapatan isi rumah setahun mengikut lokasi/negeri. Kaedah ini merupakan piawaian antarabangsa bagi memastikan harga rumah adalah sesuai dengan kemampuan pendapatan rakyat. Selain itu, Kerajaan juga telah

mengambil pelbagai inisiatif meningkatkan penyediaan rumah mampu milik iaitu melalui:

- (i) pelaksanaan program 1 juta Rumah Mampu Milik seperti dalam janji Kerajaan;
- (ii) kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk menyediakan tanah yang strategik dengan infrastruktur yang lengkap memandangkan tanah merupakan elemen penting dalam pembinaan rumah;
- (iii) melaksanakan perancangan pembangunan RMM secara *Request for Proposal* (RFP), bagi memastikan pembinaan rumah mampu milik pada kos yang optimum tanpa melibatkan peruntukan kewangan daripada Kerajaan; dan
- (iv) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga sedang mengkaji pembinaan rumah mampu milik di atas tanah waqaf, bagi menampung keperluan pembinaan rumah mampu milik.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perancangan penyediaan rumah mampu milik di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah tertakluk kepada kesediaan dan kesesuaian tapak tanah milik Kerajaan Negeri untuk pembangunan PPR serta cadangan keutamaan daripada Kerajaan Negeri.

3. Jika terdapat tanah dan lokasi yang bersesuaian untuk pembangunan PPR, keperluan tersebut boleh dikemukakan terlebih dahulu kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan penyelarasan dan cadangan tersebut boleh dipanjangkan kepada KPKT.

Sekian, terima kasih.